

Mangsa banjir di Batu Pahat terus berkurangan

JOHOR BAHRU 1 Feb. - Keadaan banjir di daerah Batu Pahat terus bertambah baik apabila 76,625 mangsa daripada 17,141 keluarga telah pulang ke rumah masing-masing.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor, Inspektor Mohd. Khairul Azhar Ismail berkata, sehingga pukul 6 petang ini, hanya 6,073 mangsa daripada

1,410 keluarga yang masih tinggal di pusat penempatan sementara.

Menurut beliau, hanya 22 pusat penempatan sementara untuk mangsa banjir masih dibuka di daerah itu manakala 170 pusat lagi sudah ditutup secara berperingkat-peringkat.

Katanya, walaupun keadaan banjir terus pulih namun terdapat beberapa kawasan dan kam-

UM 02/02
pung yang belum surut.

"Antara kampung terbabit adalah Kampung Parit Selamat, Kampung Seri Teluk dan Kampung Seri Menanti," katanya.

Beliau menambah, Kampung Parit Selamat dan Kampung Seri Teluk yang terletak di Yong Peng, masih mengalami masalah banjir.

Menurut Mohd. Khairul, Kam-

pung Seri Menanti di Senggarang dan Kampung Parit Makmur juga menghadapi masalah yang sama.

Jelasnya, di kawasan Sri Gading, Kampung Parit Yani Laut dan Kampung Parit Jelutong masih digenangi air.

Beliau memberitahu, Kampung Parit Sempadan Laut/Darat yang terletak di kawasan Parit Raja juga menghadapi masalah

yang sama.

Bagaimanapun, katanya, keadaan jalan raya yang menghubungkan enam daerah yang sebelum ini teruk dilanda banjir, kembali pulih dan boleh dilalui semua kenderaan.

Enam daerah yang dilanda banjir teruk pada 12 Januari lalu ialah Kota Tinggi, Batu Pahat, Mersing, Segamat, Muar dan Pontian.